



# BOLEHKAH BEKERJA DI BANK KONVENSIONAL PADA HARI INI?

**B**erarkah jika kita membantu dalam amal kejahatan, kita turut mendapat dosa? Katakan, seorang lelaki berusaha mendapatkan seekor khinzir untuk memakannya, lalu rakannya membantu membuat perangkap, maka adakah rakannya turut berdosa? Ini analogi mudah yang boleh dikaitkan dengan tulisan saya kali ini.

Sebaliknya orang yang membantu ke arah kebaikan akan diberi balasan pahala. Ketetapan ini termaktub dalam al-Quran dan sunnah. Allah berfirman: "Janganlah pula kamu tolong-menolong dalam perkara yang mendatangkan dosa dan permusuhan."

(Al-Mai'idah 5: 2)

Jadi adakah harus bekerja di institusi kewangan konvensional sedangkan dalam masa yang sama institusi kewangan Islam telah wujud pada zaman ini? Umum mengetahui, riba adalah haram berdasarkan nas al-Quran, sunnah dan ijmak para ulama. Malah, pelakunya termasuk berdosa besar.

## FATWA KONTEMPORARI

Mencari yang halal ialah fardu, bukan sunat. Bermakna bekerja mencari sumber yang halal adalah wajib. Rasulullah s.a.w. bersabda: "Akan datang satu zaman kepada manusia di mana seseorang tidak peduli sama ada dia mengambil harta halal atau haram." (Riwayat al-Bukhari)

Maka setiap Muslim perlu mengambil berat soal ini. Bagi menjawab isu ini kita perlu melihat beberapa fatwa dalam dunia hari ini:

### FATWA 1: Haram.

Beberapa fatwa moden secara jelas mengharamkan Muslim bekerja di bank konvensional secara mutlak. Tidak kira apa jua jenis kerja yang dilakukan.

Dengan kata lain, meskipun kerja yang dilakukan tidak terkait dengan aktiviti riba. Contohnya pengawal keselamatan dan tukang sapu. Mereka berhujahkan ayat surah al-Ma'idah di atas kerana termasuk dalam

tolong-menolong kepada perkara mungkar dan dosa. Riba jelas suatu dosa dan maksiat.

Antara ulama yang memegang pendapat ini ialah Allahyarham Syeikh Abdul Aziz bin Baz. Pendapat ini juga dipilih oleh Fatwa Lajnah Daimah Arab Saudi.

Menurut pendapat ini, asas kepada pengharaman bekerja di bank konvensional adalah jelas bersandarkan hadis: "Rasulullah melaknat pemakan riba, pemberi riba, penulis (perjanjian) riba dan dua saksi riba: "Mereka adalah sama (daripada segi dosa)." (Riwayat Muslim)

Malahan, dalam suasana dunia hari ini, bank-bank Islam sudah wujud, maka darurat atau terpaksa tidak lagi boleh dijadikan alasan. Ramai menganggap ini pendapat majoriti ulama.

NOTA: Sila rujuk: (<http://www.binbaz.org.sa/fatawa/4035>) dan (<http://fatwa.islamonline.net/12599>)

### FATWA 2: Harus hanya dalam dua keadaan.


Walaupun bagaimanapun, ada beberapa fatwa lain yang memberi sudut pandang berbeza. Sebagai contoh, Dr. Syeikh Yusuf al-Qaradawi memberi kelonggaran bekerja di institusi konvensional dalam dua keadaan:

**1** Jika seseorang tidak memperoleh kerja yang sesuai dengan kepakarannya kecuali di institusi kewangan tersebut. Ketika itu, harus dia bekerja di sana. Setelah mendapat kerja di tempat lain, maka dia hendaklah meninggalkannya.

**2** Seseorang yang bekerja demi mencari pengalaman yang tidak diperoleh di institusi lain. Selepas dia mendapat pengalaman tersebut, dia perlu berusaha mencari institusi kewangan lain.

Ringkasnya, dua keadaan sahaja yang dibenarkan, iaitu jika tiada kerja sesuai di tempat lain dan ingin menimba pengalaman. Tetapi Dr. al-Qaradawi tetap menyarankan agar seseorang berusaha keluar daripada kerjanya.

NOTA: Sila rujuk: (<http://fatwa.islamonline.net/12599>)



"Tinggalkanlah sesuatu yang meragukan kamu kepada sesuatu yang tidak meragukan kamu."

### FATWA 3: Harus jika tidak berkaitan riba.

Manakala Majlis Fatwa Jordan meletakkan garis panduan berikut:

**1** Harus jika kerjanya langsung tiada bersangkutan dengan aktiviti riba dan tiada unsur membantu.

**2** Adapun jika kerjanya secara langsung berkaitan dengan riba, dan ada unsur membantu riba, maka kerja ini haram, termasuk dalam larangan dalam ayat 2 surah al-Ma'idah dan hadis yang dinyatakan di atas.

NOTA: Sila rujuk: (<http://www.aliftaa.jo/Question.aspx?QuestionId=467#.VuwdAUB-4o>)

### TINGGALKAN YANG MERAGUKAN

Meskipun pendapat al-Qaradawi dan Majlis Fatwa Jordan berbeza dengan jumlah ulama, namun jika kita perhalusi lagi pendapat mereka, bagi saya secara peribadi, situasi yang dinyatakan oleh mereka sudah tidak wujud lagi. Hal ini kerana institusi kewangan Islam sudah

berkembang pada zaman ini. Malahan terdapat bank-bank konvensional yang sudah menukar status menjadi institut perbankan Islam.

Contohnya merujuk kenyataan al-Qaradawi, pengalaman sama ada berkaitan kewangan, ekonomi atau perakaunan sudah boleh diperoleh di institusi kewangan Islam. Bekerja di institusi kewangan Islam lebih baik kerana bukan seseorang bukan setakat bekerja, tetapi juga mematuhi perintah Allah.

Dalam konteks pendapat Majlis Fatwa Jordan pula, mereka membenarkan pekerjaan jika tidak wujud unsur membantu. Sebaliknya, jika sudah jelas ada unsur membantu, hukumnya tetap haram.

Nabi mengajar kita satu prinsip mudah: "Tinggalkanlah sesuatu yang meragukan kamu kepada sesuatu yang tidak meragukan kamu." (Riwayat al-Bukhari)

Ternyata, prinsip ini sangat berguna untuk menyelesaikan dilema seorang yang masih ingin bekerja di institusi kewangan konvensional. Dan kita harus ingat bahawa Allah menjamin rezeki orang yang bertakwa kepada-Nya.

Allah berfirman: "Sesiapa yang bertakwa kepada Allah, pasti Allah akan memberikan jalan keluar untuknya. Dia merezekikan kepadanya dari arah yang tidak disangka-sangka. Dan sesiapa yang bertawakal kepada Allah dengan penuh keimanan, maka Allah akan mencukupkan keperluannya." (Al-Talaq 65: 2-3) ❧